



BRUNEI DARUSSALAM

مکتبڤڤتڤاکوتڤن دان اینفو کومونیکاسی
MTIC MINISTRY OF
TRANSPORT AND
INFOCOMMUNICATIONS

Pengemaskinian Garispandu Pembukaan Semula dan Operasi Kafe Internet (Internet Cafe) semasa Wabak Pandemik COVID19 Mulai 10hb Zulhijjah 1441 bersamaan dengan 1hb Ogos 2020

Garispandu Pembukaan Semula dan Operasi Kafe Internet (Internet Café) Semasa Wabak Pandemik COVID19 ini adalah dikemaskini untuk dipatuhi oleh para pengendali atau pengusaha Kafe Internet mulai hari 10hb Zulhijjah 1441H bersamaan dengan 1hb Ogos 2020M.

1. Bagi Pengusaha atau pengendali Kafe Internet

- 1.1 Mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis Kafe Internet dan seterusnya mencetak dan melekatkan kod QR tersebut di kawasan pintu masuk dan keluar premis.
- 1.2 Memastikan setiap pelanggan atau pelawat membuat pengimbasan aplikasi BruHealth sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis.
- 1.3 Membuat pemeriksaan suhu badan keatas pelanggan atau pelawat sebelum memasuki premis.
 - Jika suhu badan seseorang individu adalah melebihi paras suhu badan biasa (37°C) atau terdapat tanda-tanda demam atau selsema atau jangkitan COVID-19, maka individu berkenaan adalah dikategorikan berisiko tinggi (*high risk*) untuk memasuki premis kafe Internet dan tidak dibenarkan untuk memasuki premis kafe Internet.
 - Individu berkenaan hendaklah meninggalkan premis kafe Internet dan seterusnya disarankan untuk berjumpa doktor bagi mendapatkan sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah.
- 1.4 Menghadkan jumlah pelanggan atau pelawat dalam satu-satu masa tidak melebihi 90% dari jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk premis kafe Internet berkenaan dengan memastikan penjarakan fizikal dan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter sepanjang akitiviti dijalankan. Mempamerkan Notis bagi jumlah maksimum kapasiti dalam satu masa di tempat yang bersesuaian.

- 1.5 Susunan meja dan kerusi juga harus bersesuaian bagi memastikan penjarakan fizikal dan sosial. Ini termasuk mengadakan tanda atau pelekat di tempat duduk. Sebarang tambahan kepada jumlah tempat duduk adalah tidak dibenarkan.
- 1.6 Menyediakan ruang atau barisan khas untuk pelanggan membuat sebarang tempahan atau pembayaran. Ini termasuk mengadakan tanda atau pelekat di atas lantai.
- 1.7 Memastikan langkah-langkah pembersihan dan sanitasi keatas premis, termasuk tempat duduk dan peralatan yang digunakan sepanjang masa. Langkah ini juga termasuk:-
 - Menyediakan hand sanitisers dan memastikan pemakaiannya oleh pelanggan dan pelawat Kafe Internet;
 - Memastikan aliran udara atau ventilasi yang baik.
- 1.8 Penggunaan penutup hidung dan mulut (*face mask*) adalah dimestikan.

2. Bagi Pelanggan atau Pelawat Kafe Internet

- 2.1 Mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi BruHealth sebelum mengunjung premis Kafe Internet. Hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
- 2.2 Penggunaan penutup hidung dan mulut (*face mask*) adalah dimestikan; dan
- 2.3 Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.

Pengendali-pengendali dan pengusaha-pengusaha premis kafe Internet adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dalam mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

Mana-mana pengendali dan pengusaha premis kafe Internet yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Garispandu ini akan di rebiu dari masa ke semasa. Sekian disampaikan.

Rujukan: KP(MC)TEL/9.53/3

Tarikh : 9hb Zulhijjah 1441H / 31hb Julai 2020M